

06/08/2001

Program Kembara Merdeka tiba di Perlis

Mohd Anwar Patho Rohman

KANGAR, Ahad - Program Kembara Merdeka 2001 (PKM 2001) yang bermula 1 Ogos lalu anjuran Jabatan Penerangan yang masuk hari kelima, kini berada di Perlis Indera Kayangan.

Pelancaran pada peringkat negeri Perlis disempurnakan Exco Kebudayaan dan Pelancongan, Mohd Isa Sabu yang mewakili Menteri Besar, di Kuala Perlis yang turut memasang dan mengagihkan Jalur Gemilang (JG) kepada orang ramai.

Bagaimanapun, hujan di tapak pelancaran menjadikan majlis pelancaran terpaksa dipercepatkan.

Konvoi 14 kenderaan pacuan empat roda dan satu van membawa 77 peserta termasuk empat wartawan dan dua jurugambar sudah menempuh empat negeri iaitu Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah sejak dilancarkan 1 Ogos lalu.

Penolong Pengarah Cawangan Kempen, Jabatan Penerangan, Abdul Halim Syarif, mengetuai konvoi bergerak ke semua negeri di Semenanjung bagi menyampaikan maklumat dan menyedarkan orang ramai mengenai erti kemerdekaan menerusi ceramah sambil menyerahkan Jalur Gemilang (JG).

PKM 2001 dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putra, Putrajaya, akan berakhir di Dataran Merdeka pada 17 Ogos ini.

Destinasi pertama adalah Kuala Selangor.

Pada hari kedua tepat jam 8 pagi, kembara diteruskan ke Sungai Besar, Sabak Bernam, untuk ke Teluk Intan dan seterusnya ke Bandaraya Ipoh.

Perjalanan dari Teluk Intan ke Bandaraya Ipoh kira-kira 100 kilometer mengikut jalan kampung. Setiba di lokasi, Pengurus Teknikal PKM 2001, Zahrin Zainudin yang juga Pengarah Penerangan Wilayah Persekutuan mengarahkan peserta supaya berdisiplin dan menepati masa, menunjukkan komitmen penganjur bersungguh-sungguh menjayakan program ini.

Pada jam 3 petang, acara pelancaran dimulakan di Dataran Ipoh. Setengah jam sebelum majlis bermula, hujan mula membasahi Bandaraya Ipoh tetapi tidak melemahkan semangat penganjur, 500 tetamu dan peserta PKM 2001 untuk sama-sama memeriahkan majlis pelancaran.

Majlis dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia dan Sukan, Datuk Jamal Nasir Rafi, yang mewakili Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Hari ketiga, konvoi PKM 2001 dilepaskan seawal jam 8 pagi oleh Pegawai Daerah Hulu Kinta, Datuk Sheikh Ahmad Sheikh Long untuk meneruskan kembara membawa JG ke Pulau Mutiara.

Tepat jam 9.30 pagi, peserta tiba di Changkat Jering untuk menyerah serta memasang bendera kepada kenderaan orang ramai yang diketuai oleh Ahli Parlimen Changkat Jering, Datuk Mohd Isa Ismail.

Perjalanan diteruskan ke Pulau Pinang dan singgah di bandar Taiping dan Bukit Semanggol. Tepat jam 11 pagi, konvoi berhenti di Sungai Bakap, Seberang Prai Selatan bagi menyerahkan JG kepada orang ramai diketuai oleh Pegawai Daerahn, Mohd Yazip Hasan untuk ke Pulau Pinang.

Selepas solat Jumaat, tepat jam 2.30 petang, konvoi ke Balik Pulau, Pulau Pinang bagi majlis perasmian PKM 2001 di Pejabat Daerah Barat Daya, Balik Pulau.

Tepat jam 4 petang, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Hilmi Yahya merasmikan PKM 2001 peringkat Pulau Pinang sekali gus melepaskan peserta selepas memasang JG pada kenderaan orang ramai.

Sebelah malam, peserta mengikuti program Mesra anjuran Kelab Pendengar, Pembaca dan Penonton (K3P) Balik Pulau mendengar ceramah serta beramah mesra bersama penduduk tempatan.

Hari keempat, konvoi meneruskan kembara ke Kedah Darul Aman, dan singgah selama setengah jam di Sungai Petani bagi menyerahkan dan memasang JG kepada orang ramai.

Tepat 12 tengah hari, konvoi tiba di Alor Star dan pada jam 2 petang, konvoi menuju ke Kuala Kedah untuk majlis pelancaran.

Esok, konvoi akan meneruskan perjalanan ke Baling, Kedah; Pengkalan Hulu, Perak dan bermalam di Gerik selepas bermalam di Kangar.

(END)